



**KENYATAAN AKHBAR
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 12/2014 (16 - 22 Mac 2014)**

“MEMERANGI DENGGI BERSAMA KOMUNITI SECARA KOMPREHENSIF”

Tren kes denggi terus menunjukkan penurunan pada minggu ke 12 (bagi tempoh 16 hingga 22 Mac 2014) di mana sejumlah 1,666 kes telah dilaporkan, menurun sebanyak 12% atau 236 kes berbanding dengan minggu sebelumnya iaitu 1,902 kes telah dilaporkan. Hanya 2 negeri menunjukkan peningkatan pada minggu lepas berbanding minggu sebelumnya iaitu negeri Kedah dan Perlis. Sebanyak 5 kematian dilaporkan pada minggu lepas iaitu satu kematian dari Perak, 2 kematian dari Selangor dan masing-masing satu kematian dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya dan Melaka.

Bagi jumlah keseluruhan iaitu dari Januari sehingga 23 Mac 2014, sebanyak 23,633 kes dilaporkan di seluruh negara, meningkat sebanyak 314% atau 17,917 kes berbanding hanya 5,716 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun lepas. Manakala jumlah kematian adalah sebanyak 58 berbanding dengan hanya 14 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2013, iaitu peningkatan sebanyak 44 kematian (314%).

Pada minggu lepas, sejumlah 402 lokaliti wabak yang masih aktif dilaporkan di 12 negeri dan negeri yang mencatatkan lokaliti wabak tertinggi adalah Selangor iaitu 234 lokaliti, Kelantan 43 lokaliti, WP Kuala Lumpur &

Putrajaya 40 lokaliti, Johor 24 lokaliti, Perak 23 lokaliti dan 15 lokaliti di Negeri Sembilan. Manakala negeri P. Pinang, Melaka, Pahang, Sabah, Terengganu dan Sarawak mencatatkan kurang dari 10 lokaliti wabak. Daripada 402 lokaliti ini terdapat 62 hotspots iaitu wabak yang telah berlarutan melebihi satu bulan. Enam puluh dua (62) hotspots dilaporkan adalah dari di negeri Selangor (51), Negeri Sembilan (5), Kelantan (2), Perak (2), WPKL&Putrajaya (1) dan Johor (1).

Pada 27 Mac 2014, Yang Berhormat Menteri Kesihatan Malaysia telah mengadakan Mesyuarat bersama anggota kesihatan yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan aktiviti kawalan denggi di lapangan dan bersama beberapa wakil Projek COMBI yang telah berjaya di Seremban, N. Sembilan, Alor Gajah, Melaka dan Klang, Selangor. Tujuan mesyuarat ini adalah untuk mendapatkan maklumbalas daripada anggota kesihatan di peringkat akar umbi dan komuniti bagi mencari kaedah terbaik dalam melaksanakan aktiviti pencegahan dan kawalan denggi di peringkat komuniti. Mesyuarat ini dihadiri oleh 295 anggota kesihatan dari semua negeri di seluruh negara iaitu terdiri Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Pegawai Kesihatan Persekitaran dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran. Manakala 7 wakil daripada 4 Projek COMBI dari 3 negeri telah hadir bersama.

Hasil daripada mesyuarat ini beberapa tindakan penambahbaikan akan dilaksanakan diantaranya ialah:

- i. Meningkatkan penglibatan dan aktiviti sukarelawan COMBI di lokaliti hotspots dalam pencegahan denggi
- ii. Mengaktifkan atau menubuhkan Projek COMBI di kawasan bermasalah denggi.

- iii. Anggota kesihatan di peringkat akar umbi perlu meningkatkan kerjasama erat bersama Jawatankuasa penduduk dan pemimpin masyarakat setempat bagi pelaksanaan aktiviti pencegahan denggi.
- iv. Meningkatkan kerjasama dengan agensi lain di peringkat daerah untuk menangani isu-isu yang menyebabkan kejadian kes denggi di daerah tersebut.
- v. Memberi pengiktirafan terhadap sukarelawan Projek COMBI di peringkat komuniti dan kebangsaan bagi memudahkan pelaksanaan aktiviti COMBI dijalankan.
- vi. Kementerian Kesihatan akan meningkatkan bantuan dari segi sumber tenaga dan keperluan kepada daerah yang mengalami beban kes denggi yang tinggi.

Bagi mengurangkan kes dan kematian kes denggi, pendekatan pencegahan dan kawalan denggi secara komprehensif dari peringkat komuniti, Jawatankuasa penduduk, pemimpin masyarakat dan agensi lain, perlu dilaksanakan. Pendekatan ini telah digunakan oleh Projek COMBI yang telah berjaya di Taman Paroi Jaya, Seremban di mana kawasan ini telah menunjukkan penurunan kes denggi yang ketara dan dapat mengekalkan ketiadaan wabak berlaku di kawasan ini. Kementerian Kesihatan akan terus meningkatkan pemantauan di semua peringkat termasuk di daerah dan negeri untuk memastikan aktiviti kawalan denggi yang dilaksanakan adalah berkesan.

YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

28 Mac 2014

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 12/2014
(16 hingga 22 Mac 2014)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah kes Denggi dari Januari sehingga 22 Mac 2014	Jumlah kes Denggi dari Januari sehingga 22 Mac 2013
		Minggu 12 (16 – 22 Mac 2014)	Minggu 11 (9– 15 Mac 2014)		
1	Perlis	4	3	50	35
2	Kedah	9	7	179 (1)	171 (1)
3	P. Pinang	35	37	525 (3)	173
4	Perak	113 (1)	142 (1)	1,650 (5)	485
5	Selangor	1,029 (2)	1,102 (5)	13,102 (23)	2,478 (1)
6	WPKL & Putrajaya	111 (1)	163	2,172 (4)	415 (3)
7	N. Sembilan	37	73	1,333 (1)	105
8	Melaka	39 (1)	49	792 (3)	118
9	Johor	86	97 (2)	1,464 (12)	516 (6)
10	Pahang	21	29	299	146
11	Terengganu	11	11	225 (1)	48
12	Kelantan	135	141 (1)	1,223 (4)	321
13	Sarawak	14	23	288 (1)	499 (2)
14	Sabah	22	25	326	206 (1)
15	WP Labuan	0	0	5	0
	Malaysia	1,666 (5)	1,902 (9)	23,633 (58)	5,716 (14)

Nota: () Kematian

* Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" SEHINGGA 22 MARCH 2014 (Mg 12)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	PJS 8 Mentari Court 1 (Blok A, B, C,D)	194	279
2	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat A (Blok 1-Blok 12 & Blok 38 - Blok 43)	222	258
3	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Teres B Zon C (Jalan 7/31 - 7/35)	177	170
4	SELANGOR	Petaling	PJU 5 Seksyen 6	106	158
5	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Pangsapuri Kristal	42	132
6	SELANGOR	Petaling	PJU 8 Apartment Flora Damansara 2 (Blok C, D, E, F)	30	119
7	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Puncak 3 Taman Puncak Saujana	27	118
8	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Pangsapuri Baiduri	24	117
9	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 7/5 Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	31	114
10	SELANGOR	Petaling	SS 2 (Selatan)	33	107
11	SELANGOR	Petaling	SS 3	41	104
12	SELANGOR	Petaling	SS 9A 1 (Jln 9A/3,5,6,7,8,9,10,11,12,17,20)	43	102
13	SELANGOR	Petaling	Taman Puchong Utama 7,(Court 1)	33	94
14	SELANGOR	Petaling	PJU 1A Ara Damansara	25	83
15	SELANGOR	Petaling	Taman Lestari Perdana (Pangsapuri Seri Indah)	17	83
16	N. SEMBILAN	Seremban	Park Avenue	18	81
17	SELANGOR	Petaling	Bandar Kinrara BK 6F (Apartment Enggang)	11	74
18	SELANGOR	Klang	Pandamaran Jaya Jalan 79	3	72
19	N. SEMBILAN	Seremban	Taman Desa Anggerik	12	71
20	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan TPS 2 Taman Pelangi Semenyih	18	66
21	SELANGOR	Petaling	PJS 9 (Teres 9/2 - PJS 9/30)	14	66
22	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Taman Prima Cempaka	15	65

23	SELANGOR	Hulu Langat	KUIS	12	62
24	SELANGOR	Hulu Langat	BlokL 34-L40 Pandan Jaya	9	59
25	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru 18	11	58
26	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Dayang 8,22,24,28,30-58/8 Bandar Mahkota Cheras	9	58
27	SELANGOR	Petaling	Taman Puchong Perdana (Vista Millennium)	9	58
28	SELANGOR	Hulu Langat	Jln Kesuma 7/1-7 Bandar Tasik Kesuma	20	56
29	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Cheras Utama	15	56
30	SELANGOR	Gombak	Tmn Sri Putra (Zon 1)	11	55
31	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Teres C Zon B (Jln 7/41 - 7/51)	11	55
32	SELANGOR	Petaling	PJU 1 Kg Cempaka	10	55
33	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Taman Perkasa Hulu Langat	16	54
34	SELANGOR	Gombak	OC 8	8	53
35	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan BM 11-27 Taman Bukit Mewah	12	53
36	SELANGOR	Gombak	Bandar Country Homes Fasa 4 Zon 4	15	52
37	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 3/6 Seksyen 3 Bandar Baru Bangi	10	51
38	N. SEMBILAN	Seremban	Vision Homes	20	49
39	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Wawasan 2/1-2/8,2/10&2/12 Bandar Baru Ampang	6	46
40	KELANTAN	Kota Bharu	Telok Baru	6	45
41	SELANGOR	Klang	Bandar Botanik (Pangsapuri Palma)	11	45
42	SELANGOR	Gombak	Rumah Kedai Bt Caves Centre Point	8	44
43	SELANGOR	Klang	B.B.T Jln Batu Nilam 13	6	44
44	SELANGOR	Petaling	Bandar Sunway (Palm Ville Condo)	7	44
45	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Indah 1-11 Taman Cheras Indah	8	42
46	SELANGOR	Klang	Appartment Klang Villa	8	42
47	SELANGOR	Hulu Langat	Kem PGA Batu 7 Cheras	8	41
48	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Alam Jaya	6	38
49	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Tenaga	11	38

50	WPKL	Lembah Pantai	Taman Oug (Jalan Hujan Batu, 1-3)	7	36
51	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment D'tinggian Suasana Bandar Tun Hussein Onn	4	35
52	PERAK	Kinta	K/B Ampang	10	34
53	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Kesuma 5/1 Seksyen 5 Bandar Tasik Kesuma	4	34
54	SELANGOR	Petaling	Ss 18/3	4	34
55	N. SEMBILAN	Seremban	Taman Desa Orkid	4	34
56	KELANTAN	Kota Bharu	Wakaf Mek Zainab	12	34
57	SELANGOR	Gombak	Kip Sg Buluh	8	33
58	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat D (Blok 52 - Blok 58)	6	33
59	PERAK	Kinta	K/B Pasir Pinji	9	32
60	N. SEMBILAN	Seremban	Taman Bandar Ekar	6	32
61	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Tan Sri Yaacob_Jln Putra	4	32
62	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Bm 6/C Bandar Bukit Mahkota	7	31